



BIASISWA SUKAN ATLET JOHOR 2018

YAYASAN PELAJARAN JOHOR

SYARAT PERMOHONAN

- 1) Lahir dan menetap di Negeri Johor / salah satu;
- 2) Terbuka kepada pemohon yang mengikuti pengajian **Diploma & Ijazah Sarjana Muda** di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sahaja;
- 3) Berumur tidak melebihi 25 tahun pada tarikh memohon;
- 4) Telah mendapat surat tawaran kemasukan / sedang mengikuti pengajian
- 5) Kursus pengajian adalah terbuka kepada semua bidang yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) / Malaysian Qualification Agency (MQA) dan belum tamat tempoh sah laku semasa permohonan dikemukakan.
- 6) Keutamaan adalah kepada pelajar yang masih belum mempunyai tajaan (*sekiranya pelajar telah mempunyai tajaan maka, pelajar hanya boleh menerima satu tajaan dalam satu masa yang sama*)
- 7) Kursus yang diikuti mestilah '**sepenuh masa**'
- 8) Bagi pelajar yang baru mendaftar di tahun pertama, perlu :
 - a. Pernah menyertai kejohanan/sukan sekurang-kurangnya di peringkat negeri (tempoh penyertaan tidak kurang dari tempoh 5 tahun semasa permohonan dibuat)
- 9) Bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian di IPT, perlu :
 - a. Mendapat keputusan akademik sekurang-kurangnya PNGK 2.50 pada semester terkini ;
 - b. Masih bergiat aktif sebagai atlet di dalam kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA)/ Sukan universiti ASEAN (SUA)/ Kejohanan Kebangsaan yang diiktiraf atau Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) sebelum tarikh tutup permohonan;
 - c. Baki tempoh pengajian semasa membuat permohonan hendaklah tidak kurang dari satu (1) tahun;

KADAR BIASISWA

Taraf	Kadar Biasiswa	Tempoh Tajaan
Ijazah Sarjana Muda	Yuran sebenar + sara hidup (RM 6,000 setahun)	Maksimum 5 tahun
Diploma	Yuran sebenar + sara hidup (RM 6,000 setahun)	Maksimum 4 tahun

KAEDAH PERMOHONAN

- 1) Muat turun borang permohonan di laman web rasmi Yayasan Pelajaran Johor www.ypj.gov.my, lengkapkan dan hantar ke YPJ selewat-lewatnya pada 11 April 2018
- 2) Berikut merupakan dokumen wajib untuk diserahkan ke YPJ :
 - a. Borang permohonan yang telah dilengkapkan (*borang permohonan boleh dimuat turun di laman web YPJ*)
 - b. Salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa
 - c. Salinan surat tawaran pengajian
 - d. Borang pengesahan oleh Pegawai Sukan dari pusat sukan IPT (*boleh dimuat turun di lamanweb YPJ*)
 - e. Keputusan terkini peperiksaan (jika berkaitan)
 - f. Struktur yuran sepanjang pengajian

Peringatan: Pengesahan hendaklah dibuat oleh pegawai Professional/ Kategori A/ Ketua Kampung/ Penghulu/ Penggawai/ Pengerusi JKKK dan yang setaraf dengannya.

PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Jabatan Bantuan Pendidikan

Yayasan Pelajaran Johor

No. 15, Bangunan YPJ

Jalan Nuri, Larkin Jaya

Kg Dato' Onn Jaafar

Karung Berkunci 711

80990 Johor Bahru

Johor

(u.p : Pn Hedayu, Unit Biasiswa, Jabatan Bantuan Pendidikan YPJ)

Tel : 07-234 4355

Faks : 07-234 4434

Emel : biasiswapelajaran@ypj.gov.my